

**Hutang Kerajaan Persekutuan,
liabiliti RM1.087 trilion**

➔ Jumlah 80.3 peratus daripada KDNK setakat 31 Disember 2017

Oleh **Hidir Reduan,
Irwan Shafrihan Ismail,
Mahanum Abdul Aziz
dan Ooi Tee Ching**
cnews@nstp.com.my

► **Putrajaya**

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dan liabiliti RM1.087 trilion atau 80.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setakat 31 Disember 2017.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata daripada jumlah itu, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM885.9 bilion, yang merangkumi hutang rasmi Kerajaan Persekutuan RM686.8 bilion atau 50.8 peratus daripada KDNK dan Jaminan Kerajaan RM199.1 bilion atau 14.6 peratus daripada KDNK.

Beliau berkata, jaminan kerajaan, termasuk Danainfra Nasional Bhd (RM42.2 bilion), Govco Holdings Bhd (RM8.8 bilion), Prasarana Malaysia Bhd (RM26.6 bilion), Malaysia Rail-link Sdn Bhd (RM14.5 bilion) dan juga jangkaan RM38 bilion untuk 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Justeru, menurutnya, dengan

kedua-dua perkara itu menjadikan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM885.9 bilion mewakili 65.4 peratus daripada KDNK, seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Di samping itu, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan juga membuat pembayaran pajakan untuk projek Kerjasama Awam Swasta (PPP) seperti pembinaan sekolah, asrama, jalan raya, balai polis, hospital dan sebagainya berjumlah RM201.4 bilion atau 14.9 peratus KDNK.

“Justeru, hutang Kerajaan Persekutuan dan liabiliti berjumlah RM1.087 trilion atau 80.3 peratus daripada KDNK setakat 31 Disember 2017,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Komitmen tidak berubah

Guan Eng juga menegaskan tanggungjawab dan komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan tidak berubah sebelum 9 Mei dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14.

Beliau berkata, yang berubah hanyalah Kerajaan Persekutuan baharu membuat keputusan untuk berterus terang.

Katanya, kerajaan baharu mengutamakan kebajikan rakyat, justeru adalah perlu untuk menghadapi kesukaran sekarang dan bekerja keras untuk menyelesaikan masalah negara berbanding membiarkan ia meletus di kemudian hari.

“Dalam tempoh jangka pendek, keputusan ini untuk memberitahu kebenaran mungkin menggelisahkan Datuk Seri Najib Razak.



Hutang Kerajaan Persekutuan dan liabiliti berjumlah RM1.087 trilion atau 80.3 peratus daripada KDNK setakat 31 Disember 2017”

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

“Bagaimanapun, kami sangat percaya dalam tempoh sederhana, dengan mengenal pasti situasi hutang sebenar hari ini, ia membolehkan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan konkrit bagi mengukuhkan kedudukan kewangan kita,” katanya.

Guan Eng berkata, selepas pertemuan dan perbincangan secara intensif dengan pasukan Perbendaharaan dalam beberapa hari lalu, termasuk mendengar pelbagai cadangan konstruktif untuk menyelesaikan cabaran sukar itu, beliau yakin negara dapat mengatasinya.

Beliau menegaskan asas ekonomi negara kekal kukuh, sektor kewangan stabil, sektor perbankan mempunyai permodalan yang kukuh dan kecairan yang mencukupi dalam pasaran.

“Kami percaya dengan pentadbiran baharu berfokus kepada ke-

cekapan, akauntabiliti dan ketelusan, keyakinan pelabur akan kukuh dari semasa ke semasa.

“Bersama dengan komitmen kerajaan baharu dan juga sokongan rakyat Malaysia, kita akan mampu menyelamatkan negara,” katanya.

Terima pelbagai tekanan

Mengenai 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Guan Eng berkata, terdapat syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan agensi kerajaan menerima pelbagai tekanan daripada pentadbiran kerajaan terdahulu berhubung urusan pembayaran hutang syarikat pelaburan.

Beliau berkata, pegawai Kementerian dan agensi kerajaan diberikan arahan bertulis bagi memastikan segala urusan berkaitan syarikat terbabit berjalan lancar.

“Terdapat banyak tekanan, na-

mun mereka mendapat arahan bertulis, anda bukan bercakap mengenai juta-juta ringgit tetapi bilion ringgit, malah ada pegawai Kementerian yang tahu.

“Walaupun tanpa arahan bertulis pun mereka pasti akan dikenakan tindakan dan saya yakin mereka berdepan dengan banyak tekanan,” katanya.

Guan Eng juga mengesahkan laporan akhbar *The Wall Street Journal* dan agensi berita, Reuters bahawa dana Bank Negara Malaysia (BNM) dan Khazanah Nasional Bhd digunakan untuk membayar hutang 1MDB kepada International Petroleum Investment Co (IPIC).

“Berdasarkan kenyataan media dikeluarkan pada 22 Mei lalu, Kementerian Kewangan sudah membuat pembayaran bagi pihak 1MDB berjumlah RM6.9 bilion kerana syarikat ini tidak mampu membuat pembayaran.

“Jumlah pembayaran ini dibuat kepada IPIC sebagai sebahagian daripada perjanjian penyelesaian sebanyak RM5.05 bilion,” katanya

Beliau berkata, sumber pembayaran dibuat kepada IPIC/Aabar bagi pihak 1MDB ialah Saham Ketutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Terkumpul (RCCPS) oleh Khazanah Nasional Berhad bernilai RM1.199 bilion.

Selain itu, sebuah syarikat dimiliki secara tidak langsung oleh Kementerian Kewangan iaitu Hartanah Mampam Sdn Bhd sudah mengadakan perjanjian jual beli dengan BNM menerusi sebidang tanah yang strategik terletak bersebelahan Sasana Kijang bernilai RM2.066 bilion.